



- 1. PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Penolong Pemeriksa Kereta dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU:

1. Bertanggungjawab kepada Penyelia Ujian Memandu.
2. Menguji pemohon-pemohon yang bakal menjadi pengajar memandu (*Driving Instructor*) di sekolah-sekolah memandu.
3. Membuat penyelidikan dan penelitian tentang pengendalian sistem pelajaran yang diberikan kepada para pelajar di sekolah-sekolah memandu.
4. Bertugas di Bahagian Ujian Memandu, Ujian Kod Undang-Undang dan memberikan Taklimat kepada Penerima-Penerima Lesen Memandu Penuh.